



IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

A. MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan	: Gred Utama B (VU6)(Terbuka)
Gaji	: Pakej imbuhan mengikut kelayakan dan elaun yang ditetapkan

B. KRITERIA UMUM

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut:

i) **Kecemerlangan akademik**

Mempunyai kelayakan PhD merupakan satu kelebihan, mendapat *command of respect* daripada kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

ii) **Pengiktirafan antarabangsa**

Calon mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

iii) **Kebolehan memimpin dan mengurus**

Calon mestilah mempunyai *people skills*, berpendekatan strategik yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan. Pengalaman dan rekod kecemerlangan kepimpinan merupakan antara ciri utama menentukan kemampuan calon selain kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap.

iv) **Reputasi**

Menjadi '*role model*' kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik dan dihormati oleh masyarakat di dalam dan luar kampus.

v) **Personaliti**

Calon mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player* serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan mentaliti kelas pertama.

- Calon mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, mampu bekerjasama dalam pasukan serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara dalam usaha membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama;
- Calon hendaklah mempunyai integriti dan akauntabiliti yang tinggi dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dan kuasa yang dipertanggungjawabkan bagi memastikan semua program dan inisiatif dilaksanakan secara telus berlandaskan prinsip integriti yang tinggi; dan
- Calon mestilah mempunyai perwatakan yang dinamik, bertanggungjawab dan komited terhadap tugas serta amanah yang dipertanggungjawabkan.

C. KRITERIA KHUSUS

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

i) Pengalaman membida projek penyelidikan dengan jaya

Ini merupakan tugas hakiki Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) (TNC (P&I)). Calon bukan sahaja berpengalaman menjalankan penyelidikan sebagai Penyelidik Utama (PI) tetapi menjadi peneraju IPT masing-masing untuk membida dana penyelidikan dari dalam dan luar negara.

ii) Mahir mensistesis instrumen komitmen penyelidikan

KPI TNC (P&I) yang utama adalah meneraju penyelidikan di IPT masing-masing. Calon bukan sahaja mahir mengenai instrumen tersebut tetapi telah menunjukkan rekod cemerlang mentransformasi penyelidikan sekurang-kurangnya di peringkat institut, *Centre of Excellence* (COE) atau pusat pengajian.

iii) Mempunyai jaringan hubungan yang luas

Calon mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas dengan industri di peringkat serantau dan antarabangsa. Ini kerana selain bertanggungjawab mendapatkan projek-projek dan geran-geran penyelidikan dari sektor awam dan swasta, calon juga bertanggungjawab mempromosikan dan mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan di dalam dan luar negara.

iv) Berkemampuan dalam menguruskan aktiviti berkaitan harta intelek

Calon mestilah seorang individu yang mampu menguruskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan harta intelek seperti penghasilan harta intelek dan latihan yang berkaitan. Ini adalah penting kerana pengurusan hubungan industri yang berkesan akan memberi pulangan kepada Universiti melalui pelesenan dan pengkomersialan.

v) Cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan dan urusan pengkomersialan

Calon mestilah mempunyai pengalaman yang luas dalam pengkomersialan produk penyelidikan, mempunyai *track record* dalam penyelidikan serta penghasilan artikel berkualiti dalam jurnal berwasit agar calon mempunyai reputasi tinggi dan dihormati oleh kelompok sebaya/setaraf.

vi) Berpengalaman sebagai penyelia yang berjaya

Calon mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana & PhD) terutamanya dalam mod penyelidikan. Ini kerana calon bertanggungjawab menentukan hala tuju penyelidikan Universiti dan menerapkan *research culture* di kalangan ahli akademik dan para penyelidik.

D. CARA MEMOHON

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan surat permohonan rasmi berserta dokumen seperti di bawah:

- i) *Curriculum Vitae* (CV) Kepimpinan (seperti format di **Lampiran 2**).
- ii) *Curriculum Vitae* (CV) penuh calon yang memohon.
- iii) Salinan sijil (jika berkaitan).
- iv) Calon juga dikehendaki mengemukakan kertas cadangan serta pencapaian semasa serta ringkasan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek & jangka panjang sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

- **Surat permohonan rasmi dan dokumen-dokumen dalam format PDF perlu dihantar melalui emel: registrar@usm.my**
- **Tarikh tutup permohonan: 18 November 2025 (Selasa)**
- *Calon-calon yang berkeelayakan dan memenuhi kriteria sahaja akan disaring untuk disenarai pendek/dipanggil untuk sesi temu duga*

E. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan bolehlah dikemukakan kepada:

ENCIK MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF

Pendaftar

Universiti Sains Malaysia

No. Telefon : 04-6533111

Emel : registrar@usm.my